

D197

U B888 BAH
MAHATHIR - KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA SETIAUSAHA AGUNG DAP, LIM KIT SIANG, HARUS MENGHORMATI KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU, SEBAGAI +ORANG TUA+ YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMBANGUNKAN NEGERI ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA DR LIM TELAH BANYAK MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENDUDUK PULAU PINANG SEJAK MENJADI KETUA MENTERI SEHINGGA NEGERI ITU MAJU SEPERTI SEKARANG.

+SEPATUTNYA LIM KIT SIANG TIDAK MEMILIH UNTUK LAWAN DR LIM CHONG EU TETAPI BERTANDING DI TEMPAT LAIN SEBAGAI MENGHORMATI KETOKOHAN DAN KEWIBAWAAN DR LIM,+ KATANYA PADA MAJLIS CERAMAH BARISAN NASIONAL KAWASAN PARLIMEN KEPONG DI DEWAN SERBAGUNA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR, JINJANG UTARA.

KATA BELIAU, LIM KIT SIANG ADALAH SEORANG YANG +TIDAK TAHU ADAT+ DAN PERANGAINYA ITU SAMA SEPERTI TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG SOMBONG DAN ANGKUH.

+KIT SIANG DAN PEMIMPIN DAP HANYA PANDAI BERCAKAP LANTANG DAN MEMBALING BUKU TETAPI TIDAK PANDAI BEKERJA UNTUK KEMAJUAN RAKYAT,+ KATANYA. -- LAGI
0032MST 19 10 90

D200

U B890 BAH
MAHATHIR - KIT SIANG 2 KUALA LUMPUR

+CHONG EU TELAH MENJADI KETUA MENTERI SEJAK 1969 DAN PULAU PINANG SUDAH CUKUP MAJU KERANA CHONG EU DAPAT MENTADBIR NEGERI ITU DENGAN BAIK,+ KATA PERDANA MENTERI.

ENCIK LIM BERTANDING MENENTANG DR LIM DI KAWASAN DEWSAN UNDANGAN NEGERI PADANG KOTA, YANG DIPERTAHANKAN OLEH DR LIM.

PADA MAJLIS YANG SAMA, BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBINA 2,600 UNIT RUMAH KOS RENDAH DAN SEDERHANA DI KAWASAN KEPONG.

SEMENTARA ITU, KETIKA BERUCAP DI KAWASAN PARLIMEN BATU DI BATU MUDA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA IDOEOLOGI SOSIALISME TIDAK LAGI DITERIMA OLEH RAKYAT DI NEGARA INI.

KATANYA, LANGKAH PARTI RAKYAT MALAYSIA (PRM) BERTANDING DI SITU TIDAK MENGUNTINGKAN DAN MEREKA JUGA TIDAK MUNGKIN MEMBENTUK KERJAAN KERANA HANYA MELETAKKAN TIGA ORANG CALON BERTANDING DI SELURUH NEGARA.

PRM MELETAKKAN Pengerusinya, DR SYED HUSSEIN ALI, BERTANDING MELAWAN NAIB PRESIDEN GERAKAN, DATUK ALEX LEE, YANG MEMPERTAHANKAN KERUSI KAWASAN ITU..

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PRM HANYA MENUMPANG TUAH ANGKATAN PERPADUAN UMMAH DAN GAGASAN RAKYAT. -- BERNAMA
0040MST 19 10 90